



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 4/2020**

KUTIPAN DEPOSIT BAGI LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2020**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 4/2020
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	17 Julai 2020

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 4/2020**

Kutipan Deposit Bagi Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan semua Pentadbir Tanah dan Pendaftar Hakmilik mengenai kutipan deposit yang boleh dikenakan bagi tujuan pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara di bawah seksyen 68A Kanun Tanah Negara [Akta No. 56 Tahun 1965] ("KTN").

2. **Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau *Temporary Occupation License (TOL)*** ialah suatu kebenaran dalam bentuk lesen yang bersifat sementara yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri ("PBN") atau mana-mana pihak yang diberikan kuasa untuk tujuan yang dilesenkan.

3. Pindaan seksyen 68A Kanun Tanah Negara melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 [Akta A1516] memperluaskan skop jaminan kutipan deposit bagi Lesen Pendudukan Sementara (LPS) iaitu bukan hanya bagi tujuan pemuliharaan tanah tetapi bagi apa-apa pelanggaran syarat kelulusan LPS tersebut seperti yang dinyatakan di bawah:

Deposits In Respect Of Temporary Occupation Licence

68A. *The State Authority may if it thinks fit direct that, except in such circumstances as may be specified in the direction, the Land Administrator or other officer by whom any temporary occupation licence is issued shall require the person or body to whom it is issued to deposit with him such sum as he may consider reasonable as security for the due performance and observance of the provisions to which the licence is subject and the rehabilitation of the land to which the temporary occupation licence relates upon the termination thereof.*

4. Sehubungan itu, PBN boleh membuat penambahbaikan kepada Kaedah Tanah Negeri selaras dengan pindaan seksyen 14 KTN antaranya berhubung dengan bayaran, pemulangan dan pelucuthakan deposit bagi LPS yang dikeluarkan.

5. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.


(DATO' AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.5(4)

Tarikh : 17 Julai 2020